

RAYUAN HAJI 1447H/2026M DIBUKA MULAI 3 NOVEMBER

KUALA LUMPUR, 27 OKTOBER 2025 – Lembaga Tabung Haji (**TH**) akan membuka permohonan bagi rayuan untuk mengerjakan ibadat haji bagi tahun 1447H/2026M melalui aplikasi dan laman sesawang THIJARI bermula **3 November 2025**.

"**TH** sentiasa komited dalam meletakkan kepentingan dan kebajikan bakal haji sebagai keutamaan. Atas dasar itu, **TH** membuka proses rayuan haji lebih awal bagi memberikan kemudahan kepada bakal haji untuk membuat persediaan yang lebih rapi serta memastikan proses permohonan rayuan dapat dilaksanakan dengan lancar", kata Ketua Jabatan Haji **TH**, Mohd Hisham Harun.

Beliau turut menjelaskan bagi permohonan rayuan luar giliran tahun haji semasa, terdapat beberapa kriteria yang akan diambil kira bagi proses pertimbangan merit pemohonan antaranya tempoh pendaftaran haji, umur, purata baki simpanan di dalam akaun **TH** dan kekerapan permohonan rayuan serta pernah mengikuti Kursus Asas Haji yang dikendalikan oleh **TH**.

Permohonan rayuan mengerjakan haji terbuka kepada pendeposit yang mempunyai simpanan sebanyak RM15,000 di dalam akaun **TH** masing-masing. Kadar bayaran haji yang ditetapkan kepada jemaah haji terpilih melalui proses rayuan adalah kos haji penuh, iaitu RM33,300 bagi musim haji 1447H/2026M selaras dengan konsep istitoah (kemampuan).

Seperti tahun-tahun sebelumnya, **TH** akan memberi keutamaan kepada permohonan rayuan mahram, pengiring jemaah lanjut usia dan pengiring bagi jemaah kelainan upaya (OKU) yang terpilih menunaikan haji untuk musim haji 1447H/2026M.

Para pendeposit **TH** boleh mendapatkan maklumat proses membuat permohonan rayuan, menyemak kategori rayuan dan status permohonan melalui aplikasi THIJARI atau melayari laman sesawang www.thijari.com.my

Untuk maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan, sila layari www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre (THCC) di talian 03-6207 1919.

-TAMAT-